

SABAH/NEGARA

# UMS nak tukar imej universiti kelas dua - Dr Abu

Oleh LIAW SIN KUANG

KOTA KINABALU, Khamis - Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menggerakkan aktiviti pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan secara sistematik dan produktif untuk mengikis imej universiti kelas dua, kata Najib Canselornya, Prof. Dato' Dr. Abu Hassan Othman.

Ke arah itu, katanya UMS dalam rancangan dan strategi pembangunannya sama ada jangka panjang atau jangka pendek mahu berada di hadapan merentasi zaman.

"Walaupun UMS baru ditubuhkan namun kita tidak mahu ketinggalan ataupun dianggap sebagai universiti kelas dua", katanya di majlis menandatangani perjanjian kontrak penyelidikan antara UMS dengan Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim) di sebuah hotel terkemuka, hari ini.

Dr. Abu Hassan menandatangani perjanjian itu mewakili UMS sementara Sirim diwakili oleh Ketua Pengarahnya, Dato' Dr. Ahmad Tajuddin Ali.

Kontrak penyelidikan itu melibatkan kajian terhadap tenaga suria untuk pengeringan koko yang dijalankan di Tawau Cocoa Estate.

Dengan termeterainya perjanjian itu, telah membuka satu lambaran baru dalam sejarah dan usaha UMS meningkatkan kerjasama dengan institusi penyelidikan luar.

Abu Hassan berkata, kerjasama dengan Sirim itu bukan sahaja akan tertumpu kepada bidang penyelidikan tetapi juga akan di rancang merangkumi bidang latihan (tenaga akademik dan pelajar), bidang pengujian, pengajaran dan penyelidikan di peringkat pra dan pasca siswazah.

"Saya berharap apabila pelajar-pelajar UMS diwajibkan membuat latihan industri untuk mendapatkan "hand of experience" di masa hadapan, pihak Sirim dapat menerima pelajar UMS. Bahkan jika tenaga akademik memerlukan pendedahan praktikal, pihak Sirim dapat menerima dan memberi bantuan", katanya.

Beliau menarik perhatian, UMS menang berhasrat untuk mengadakan kerjasama dengan mana-mana agensi yang mempunyai kepakaran tersendiri yang dapat membantu universiti itu menjayakan usahanya. UMS katanya, sekiranya diberikan kepercayaan akan sentiasa bersedia untuk menghulurkan tangan untuk menyumbang kepakaran dan tenaga yang sedia ada untuk membantu pihak-pihak yang memerlukan sokongan dan sumbangan daripada tenaga yang ada di universiti itu.



METERAI..Prof Dato' Dr. Abu Hassan Othman (kiri) dan Dato' Dr. Ahmad Tajuddin Ali menterai perjanjian kontrak penyelidikan antara UMS dan Sirim.